

10 DEC 1999

BARISAN ANGGOTA KABINET ANGKAT SUMPAH SELASA INI

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tarikh berkuatkuasa pelantikan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri baru ialah pada Selasa ini.

Majlis menerima surat cara pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, akan diadakan pada pukul 10 pagi di Istana Negara pada hari berkenaan.

Ketika mengumumkan senarai barisan Kabinet dan anggota pentadbiran kerajaan lain di Jabatan Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir berkata Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Tan Sri Datuk Musa Mohamad dijadual mengangkat sumpah jawatan sebagai anggota Dewan Negara pada Isnin ini sebelum mengangkat sumpah jawatan bersama Menteri-menteri lain.

Perdana Menteri berkata Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah memperkenan pelantikan Dr Abdul Hamid dan Musa sebagai Senator sebelum dilantik sebagai Menteri.

Dr Abdul Hamid yang gagal untuk mempertahankan kerusi Parlimen Sik pada pilihan raya umum lepas, dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Musa, bekas Naib cancellor Universiti Sains Malaysia dilantik Menteri Pendidikan yang baru, kata beliau.

Dr Mahathir berkata Setiausaha-setiausaha Parlimen pula akan mengangkat sumpah jawatan di hadapannya pada Rabu ini pukul 4 petang di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

--BERNAMA

ES zb